



**KEINDAHAN** dan kebersihan sungai mampu menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara.

# Projek siap dua tahun lagi

## ■ Kerja naik taraf Sungai Klang, Sungai Gombak babit kawasan 110 kilometer

Oleh **Fazurawati Che Lah**

fazurawati@mediapi-  
ma.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**erja menaik taraf Sungai Klang dan Sungai Gombak di bawah Projek River of Life (ROL) atau Nadi Sungai Kehidupan kini sedang berjalan dan dijangka siap menjelang 2016.

Projek pembersihan sungai itu bermula dari kawasan Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (hulu) hingga Angkasapuri (hilir) membabitkan kawasan sepanjang 110 kilometer (km).

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Ahmad Phesal Abdul Talib berkata, pengindahan dan pembangunan sungai dalam projek itu akan dilakukan di Sungai Gombak dan Sungai Klang yang terbahagi kepada beberapa bahagian bermula dari Gombak ke Brickfields sejauh 10.7 km.

Menurutnya, kerja menaik taraf itu dibahagikan kepada 10 presint dan Presint 7 dipilih sebagai lokasi awal dibangunkan berbanding 10 presint lagi kerana ia antara lokasi yang dikategorikan sebagai 'quick win' bagi ROL.

"Kawasan ini dipilih sebagai projek Fasa 1 kerana ia

lokasi tumpuan utama warga kota dan pelancong sama ada dalam atau luar negara.

"Lokasinya strategik dan terdapat bangunan warisan utama seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek, Panggung Bandaraya, Pasar Seni, Dataran Merdeka serta pusat beli-belah," katanya.

Ahmad Phesal berkata demikian ketika berucap pada majlis Bengkel Makluman Awam ROL, baru-baru ini. Hadir sama Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Datuk Mhd Amin Nordin Abd Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah Pelaksanaan Projek dan Penyenggaraan DBKL Mohd Najib Mohd.

Ahmad Phesal berkata, keseluruhannya projek ROL di Presint 7 itu menelan kos RM130 juta.

Beliau berkata, projek ROL ini terdiri daripada tiga komponen iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan dengan menumpukan kepada empat pencapaian iaitu penghubung bandar, mengaktifkan sungai, menjana semula sungai dan memeriahkan kawasan sekitar sungai.

Sementara itu, Mohd Najib berkata, kerja menaik taraf ROL meliputi lima fasa dan dijangka pro-



**“Kawasan ini dipilih sebagai projek Fasa 1 kerana ia lokasi tumpuan utama warga kota dan pelancong sama ada dalam atau luar negara”**

**Ahmad Phesal Abdul Talib**

jek bagi fasa berikutnya bermula September ini dan menjangkakan keseluruhan ROL itu siap sepenuhnya menjelang 2017.

Beliau berkata, DBKL melantik Aecom Perunding Sdn Bhd bagi menguruskan pelan utama projek selain menjalankan kerja pengindahan koridor sungai membabitkan jarak 10.7 kilometer.

ROL projek Permulaan (EPP) di bawah program Plan Transformasi Ekonomi (ETP) menjadikan Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ikon taman tema air yang dinamik dengan nilai ekonomi.